



Akta Penjagaan Warga Emas berasaskan-hak baharu

Akta Penjagaan Warga Emas baharu tersebut mengutamakan hak-hak warga tua. Ini termasuk Statement of Rights [Pernyataan Hak] untuk warga tua yang sedang mengakses perkhidmatan penjagaan warga emas. Lembaran fakta ini adalah ringkasan bahasa yang jelas tentang hak tersebut.

Mengenai Pernyataan Hak

Kerajaan Australia sedang mengubah undang-undang penjagaan warga emas Australia. *Aged Care Act 2024* [Akta Penjagaan Warga Emas 2024] (Akta baharu) mempunyai Pernyataan Hak. Ini menerangkan hak warga tua semasa mereka mengakses perkhidmatan warga emas yang dibiayai oleh Kerajaan Australia. Pernyataan Hak tersebut akan menggantikan Piagam Hak Penjagaan Warga Emas Terkini pada 1 November 2025.

Pernyataan Hak sepenuh daripada Akta baharu ini terdapat di penghujung helaian fakta ini.

Apakah maksud Pernyataan Hak untuk anda

Pernyataan Hak tersebut akan membantu supaya anda diutamakan dalam penjagaan warga emas anda.

Ia memberi anda hak untuk:

- membuat keputusan sendiri mengenai kehidupan anda
- keputusan anda bukan sahaja diterima, tetapi di hormati
- mendapatkan maklumat dan sokongan untuk membantu anda membuat keputusan
- menyampaikan kehendak, keperluan dan pilihan anda

Akta baharu Penjagaan Warga Emas berasaskan-hak

- berasa selamat dan dihormati
- budaya dan identiti anda dihormati
- kekal berhubung dengan komuniti anda.

Hidup berdikari, mempunyai pilihan dan kawalan

Anda mempunyai hak untuk membuat keputusan sendiri dan mempunyai kawalan ke atas:

- apakah perkhidmatan warga emas yang dibiayai yang anda gunakan
- bagaimana anda mengakses perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai dan siapa yang menyediakannya
- wang dan harta benda anda.

Anda mempunyai hak mendapatkan sokongan untuk membuat keputusan ini jika perlu.

Anda juga mempunyai hak untuk memilih cara kehidupan anda, walaupun terdapat beberapa risiko peribadi. Misalnya, pilihan tentang kehidupan sosial dan hubungan rapat anda.

Akses yang adil

Anda mempunyai hak untuk mendapat penilaian yang adil dan tepat untuk mengetahui perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang anda perlukan.

Penilaian ini hendaklah dilakukan dengan cara yang sesuai dengan anda. Ia harus menghormati:

- budaya dan latar belakang anda
- pengalaman peribadi dan sebarang trauma anda
- keadaan kognitif anda, seperti demensia.

Anda juga mempunyai hak untuk mendapatkan jenis penjagaan yang anda perlukan, apabila anda memerlukannya. Ini termasuk penjagaan paliatif dan penjagaan- akhir- hayat.

Keselamatan dan kualiti

Anda mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang selamat, berkualiti dan adil yang melayan anda dengan bermaruah dan hormat.

Ini termasuk hak untuk mengakses perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai seperti berikut:

- menghargai dan menyokong identiti, budaya dan latar belakang anda
- hormati pengalaman anda, termasuk sebarang trauma
- boleh diakses dan memenuhi keperluan anda
- bebas daripada keganasan, penderaan dan pengabaian.

Anda mempunyai hak untuk mengakses perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai daripada:

- pekerja yang mempunyai latihan, kemahiran dan pengalaman yang betul
- penyedia yang memenuhi semua syarat di bawah undang-undang penjagaan warga emas.

Jika anda berasa tidak selamat apabila mengakses penjagaan warga emas, anda boleh mendapatkan sokongan percuma daripada peguam, pekerja sosial dan pakar lain. Lawati [Attorney-General's website](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perlindungan terhadap penderaan warga tua.

Menghormati privasi dan maklumat anda

Penyedia anda mesti:

- hormati privasi peribadi anda
- lindungi maklumat peribadi anda, seperti maklumat mengenai kesihatan dan kewangan anda
- Membenarkan anda memilih bila maklumat peribadi anda boleh diberikan kepada orang lain, seperti seorang advokat atau peguam.

Anda mempunyai hak untuk mendapatkan rekod dan maklumat mengenai hak anda dan perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang anda gunakan. Ini termasuk berapa kosnya.

Komunikasi yang memenuhi keperluan anda

Anda mempunyai hak untuk:

- dapatkan maklumat dengan cara yang anda fahami
- beri maklum balas.

Anda mempunyai hak untuk berkomunikasi dalam bahasa atau kaedah yang anda suka. Ini termasuk menggunakan jurubahasa atau alat bantu komunikasi jika anda memerlukannya.

Anda juga mempunyai hak untuk berjumpa dengan penyedia anda dan penyokong anda dengan kaedah yang sesuai dengan anda. Ini mungkin bermakna bertemu pada waktu hari yang paling sesuai untuk anda.

Sokongan untuk membangkitkan isu dengan pantas dan adil

Apabila terdapat masalah dengan perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai anda, anda mempunyai hak untuk:

- dapatkan sokongan daripada penyedia anda
- mengadu tanpa rasa takut atau kemungkinan dihukum
- dapatkan maklum balas yang pantas dan adil terhadap aduan anda.

Sokongan dan hubungan dengan orang ramai serta komuniti

Anda mungkin memerlukan sokongan untuk memahami hak anda, membuat keputusan atau membuat aduan. Anda mempunyai hak untuk mendapatkan sokongan ini daripada advokat bebas atau orang lain yang anda pilih.

Akta baharu Penjagaan Warga Emas berasaskan-hak

Anda mempunyai hak untuk berkomunikasi dengan advokat atau pekerja sokongan anda pada bila-bila masa yang anda pilih.

Penyedia harus menghormati peranan orang yang penting kepada anda. Misalnya, keluarga, rakan dan penjaga.

Anda mempunyai hak untuk terus berhubung dengan:

- mereka yang penting bagi anda
- komuniti anda, termasuk dengan mengambil bahagian dalam aktiviti riadah atau kebudayaan
- haiwan peliharaan anda.

Orang Asal dan Orang Pulau Selat Torres mempunyai hak untuk terus berhubung dengan komuniti, Tanah Air dan Pulau Asal mereka.

Bagaimana untuk memastikan hak anda ditegakkan

Penyedia anda mesti memahami dan mengikuti Penyataan Hak. Jika mereka tidak berbuat demikian, anda boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Aduan.

Anda boleh membuat aduan dalam talian, melalui telefon atau melalui surat menyurat. Lawati [Aged Care Quality and Safety Commission website](#) untuk maklumat lanjut.

Jika anda memerlukan sokongan untuk membuat aduan atau mencari maklumat, hubungi Older Persons Advocacy Network (OPAN) di 1800 700 600.

OPAN mempunyai perkhidmatan sokongan advokat percuma, bebas dan sulit untuk membantu anda.

Penyataan Hak sepenuhnya daripada Akta baharu

Di bawah adalah Penyataan Hak sepenuh daripada seksyen 23 Akta baharu tersebut.

Hidup berdikari, autonomi, pemerksaan dan kebebasan memilih

- (1) Seseorang individu mempunyai hak untuk:
 - (a) melaksanakan pilihan dan membuat keputusan yang mempengaruhi kehidupan individu, termasuk yang berkaitan dengan perkara berikut:
 - (i) perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai individu telah diluluskan untuk diakses;
 - (ii) bagaimana, bila dan oleh siapa perkhidmatan tersebut disampaikan kepada individu;
 - (iii) hal ehwal kewangan dan harta peribadi individu; dan
 - (b) disokong (jika perlu) untuk membuat keputusan tersebut, dan memastikan keputusan tersebut dihormati; dan
 - (c) mengambil risiko peribadi, termasuk mengejar kualiti hidup individu, penyertaan sosial dan hubungan intim dan seksual.

Akses yang saksama

- (2) Seseorang individu mempunyai hak untuk mendapat akses yang saksama kepada:
- (a) keperluan individu untuk perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai dinilai, atau dinilai semula, dengan cara yang:
 - (i) selamat dari segi budaya, sesuai dengan budaya, kesedaran-trauma dan penyembuhan-dimaklumkan; dan
 - (ii) boleh diakses dan sesuai untuk individu yang menghidap demensia atau kecacatan kognitif yang lain; dan
 - (b) penjagaan paliatif dan penjagaan-akhir-hayat apabila diperlukan.

Perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang berkualiti dan selamat

- (3) Seseorang individu mempunyai hak untuk:
- (a) dilayan dengan bermaruah dan hormat; serta
 - (b) layanan yang selamat, adil, saksama dan-tanpa diskriminasi; dan
 - (c) mempunyai identiti, budaya, kerohanian dan kepelbagaian individu dihargai dan disokong; serta
 - (d) perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai disampaikan kepada individu:
 - (i) dengan cara yang selamat dan sesuai dari segi budaya, kesedaran-trauma dan penyembuhan-dimaklumkan; dan
 - (ii) dengan cara yang boleh diakses ; dan
 - (iii) oleh pekerja penjagaan warga emas dari penyedia berdaftar yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang sesuai.
- (4) Seseorang individu mempunyai hak untuk:
- (a) bebas daripada segala bentuk keganasan, layanan yang merendahkan atau tidak berperikemanusiaan, eksploitasi, pengabaian, paksaan, penderaan atau salah laku seksual: dan
 - (b) mempunyai perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang berkualiti dan selamat disampaikan secara konsisten dengan keperluan yang dikenakan ke atas penyedia berdaftar yang tertakluk di bawah Akta ini.

Nota: Bahagian 1 Bahagian 4 Bab 3 memperkatakan syarat mengenai penyedia berdaftar, termasuk keperluan berhubung dengan penggunaan amalan sekatan dan pengurusan insiden.

Menghormati privasi dan maklumat

- (5) Seseorang individu mempunyai hak untuk memiliki:
- (a) privasi peribadi dihormati, dan
 - (b) maklumat peribadi dilindungi.
- (6) Seseorang individu mempunyai hak untuk mendapatkan, dan dibekalkan dengan, rekod dan maklumat mengenai hak individu di bawah seksyen ini dan perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang diakses oleh individu, termasuk kos perkhidmatan tersebut.

Komunikasi berpusatkan orang dan keupayaan untuk membangkitkan sebarang isu tanpa tindakan balas

- (7) Seseorang individu mempunyai hak untuk:
 - (a) dimaklumkan, dengan cara yang difahami oleh individu, mengenai perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang diperolehi oleh individu tersebut; dan
 - (b) menyatakan pendapat mengenai perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai yang diakses oleh individu dan didengari.
- (8) Seseorang individu mempunyai hak untuk berkomunikasi dalam bahasa atau kaedah komunikasi keinginan mereka, dengan akses kepada jurubahasa dan bantuan peralatan komunikasi seperti yang diperlukan.
- (9) Seseorang individu mempunyai hak untuk:
 - (a) komunikasi terbuka dan sokongan daripada penyedia berdaftar apabila terjadi isu dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai; dan
 - (b) membuat aduan menggunakan mekanisme yang boleh diakses, tanpa rasa takut akan tindakan balas, mengenai penyampaian perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai kepada individu; dan
 - (c) memastikan aduan individu dikendalikan dengan adil dan pantas.

Advokat, orang yang penting dan hubungan sosial

- (10) Seseorang individu mempunyai hak untuk disokong oleh seorang advokat atau orang lain pilihan individu itu, termasuk semasa menjalankan atau berusaha untuk memahami hak individu dalam seksyen ini, menyuarakan pendapat individu, membuat keputusan yang memberi kesan kepada kehidupan individu dan membuat aduan atau memberi maklum balas.
- (11) Seseorang individu mempunyai hak mempunyai orang yang penting kepada individu, termasuk penjaga, pelawat dan sukarelawan, diakui dan dihormati.
- (12) Seseorang individu mempunyai hak untuk mendapatkan peluang, dan bantuan, untuk kekal berhubung (jika individu itu membuat pilihan) dengan:
 - (a) mereka yang penting dalam kehidupan individu serta haiwan peliharaan, termasuk melalui lawatan selamat daripada ahli keluarga, rakan, sukarelawan atau pelawat lain dimana individu tersebut tinggal dan lawatan kepada keluarga atau rakan; dan
 - (b) komuniti individu, termasuk dengan mengambil bahagian dalam kehidupan awam dan aktiviti masa lapang, kebudayaan, kerohanian dan gaya hidup; serta
 - (c) jika individu adalah seorang Orang Asal atau Orang Pulau Selat Torres-komuniti, Tanah Air dan Pulau Asal.
- (13) Seseorang individu mempunyai hak untuk mengakses, pada bila-bila masa yang dipilih oleh individu, seseorang yang ditetapkan oleh individu itu, atau seseorang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Copyright

© 2025 Commonwealth of Australia as represented by the Department of Health, Disability and Ageing

Licence (except for commonwealth logos)



This publication is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International Licence from <https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/legalcode.en>. This Licence does not include, and no permission is given for, the use of the Commonwealth logos contained in this publication.

Disclaimer

This publication is not legal advice and must not to be used or relied upon as a substitute for legal advice. Users must seek their own independent legal advice in relation to their particular circumstances.